



Ekonomi kukuh kekalkan prestasi baik pasaran saham

ASAS ekonomi Malaysia yang kukuh membolehkan pasaran saham tempatan mengekalkan prestasi baik dalam keadaan tidak menentu di kebanyakan pasaran saham global, kata Ketua Eksekutif Bursa Malaysia, Datuk Tajuddin Atan.

Beliau berkata, meskipun secara keseluruhannya peserta pasaran masih kekal berhati-hati, prestasi bursa tempatan dijangka konsisten mengikut prestasi pasaran saham serantau.

"Ekonomi Asia, termasuk Malaysia mempunyai asas kukuh disokong dasar digariskan pembuat dasar serta syarikat senaraian awam.

"Kami melihat pasaran masih dalam keadaan berhati-hati, namun ekonomi kukuh membolehkan syarikat mencatat prestasi baik.

"Jika pasaran jatuh, ia mengikut pergerakan serantau," katanya selepas majlis Anugerah Hubungan Pelabur Malaysia Kali Kedua 2012 anjuran Persatuan Hubungan Pelabur Malaysia (MIRA) di Kuala Lumpur, semalam.

Tahun lalu menyaksikan turun naik pasaran saham susulan kejutan tidak menyenangkan daripada konflik di kawasan MENA hingga ke

bencana alam di Jepun.

Daripada aspek ekonomi, hutang Greece yang meningkat mencetuskan ketidakstabilan di zon euro manakala di Amerika Syarikat (AS), S&P menurunkan penarafan AAA negara itu sekali gus mencetuskan jualan panik di seluruh dunia.

Namun, di sebalik pelbagai berita negatif itu, indeks penanda aras pasaran saham tempatan, FBM KLCI meningkat ketara mengakhiri 2011 pada 1,531 mata, melepasi sasaran hujung tahun 1,490 mata.

FBM KLCI memulakan da-gangannya dengan perlahan ditutup pada 1,513.54 mata

pada hari pertama 2012 ini, berikutan kegiatan pengambilan untung daripada penutup tinggi 2011.

Indeks penanda aras itu secara konsisten terus menguji paras tertinggi baru dari minggu ke minggu berikutan bertambahnya pembabitan pelabur asing dalam pasaran saham tempatan di samping kerancangan pelaksanaan beberapa projek, khususnya yang dirancang di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Ia mencecah paras tertinggi barunya pada 1,603.78 mata pada 2 April lalu. Selepas itu, pasaran saham tempatan kembali turun-naik mengikut pergerakan pasaran serantau, kebanyakannya dipengaruhi berita kurang menyenangkan khususnya membabitkan krisis hutang di Eropah.

Bagaimanapun, secara keseluruhannya, FBM KLCI meningkat hampir tiga peratus sejak dari awal tahun, sekali gus menjejaki kenaikan dicatat pasaran saham serantau seperti di Filipina, Thailand, Hong Kong dan Taiwan. Semalam, indeks penanda aras bursa tempatan itu ditutup pada 1,569.43 mata, naik 9.07 mata.



Ekonomi Asia, termasuk Malaysia mempunyai asas kukuh disokong dasar digariskan pembuat dasar serta syarikat senaraian awam

Tajuddin Atan

Ketua Eksekutif Bursa Malaysia